



DOKUMEN SEBUTHARGA

IKLAN SEBUTHARGA TANPA BUKA PETI

IKM/TBP/BIL.21/2021

**KERJA-KERJA UBAHSUAI DINDING PEJABAT UTM, UTA, UKP DAN
PERPUSTAKAAN IKM DI INSTITUT KOPERASI MALAYSIA, JALAN TEMPLER,
PETALING JAYA SELANGOR DARUL EHSAN.**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT PENYENGGARAAN DAN KEJURUTERAAN
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA,
103, JALAN TEMPLER,
40670 PETALING JAYA,
SELANGOR D.E.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1. TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran terbuka kepada Kontraktor yang berdaftar kepada,

- i. **Berdaftar dengan Kementerian Kewangan**
- ii. **Pembekal Bumiputera**
- iii. **Berdaftar dengan CIDB**
 - a) **Kelas : G1**
 - b) **Kategori : B**
 - c) **Pengkhususan : B04**

2. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA

Sila catat **TAJUK SEBUT HARGA** di sebelah kiri sampul surat dan diserahkan mengikut tarikh, masa dan tempat yang ditetapkan. Pihak IKM berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

3. JANGKA MASA SAH LAKU SEBUT HARGA

Sebut harga mestilah sah laku dalam jangka masa sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga.

4. PEMBERITAHUAN TAWARAN

Pihak IKM akan memberi notis bertulis dalam bentuk Surat Setuju Terima Sebut Harga kepada penyebut harga yang berjaya apabila sebut harganya dipersetujui dalam jangka masa sah laku sebut harga atau jangka masa tambahan yang terlibat. Segala urusan mati setem perjanjian ditanggung oleh pembekal.

5. HARGA

Harga bagi semua perkara dan bidang kerja yang ditawarkan mestilah dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja termasuk semua caj penghantaran dan sah laku dalam tempoh sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup sebut harga.

Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ini ditutup, dan akan berkuat kuasa selama tempoh sah laku sebut

harga. Penyebut harga yang berjaya ditawarkan sebut harga ini hendaklah mematuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan tanpa persetujuan kedua- dua belah pihak.

6. CUKAI

Penyebutharga **perlu melampirkan Salinan No Pendaftaran Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)** jika ada. Sekiranya penyebutharga yang berjaya tetapi **TIDAK** menyatakan nilai Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada tawaran sebutharga, pihak IKM akan mengekalkan harga seperti yang dinyatakan pada tawaran harga oleh penyebutharga.

7. TEMPOH MASA SIAP & PENGHANTARAN

Pembekal dikehendaki menghantar kesemua barang & perkhidmatan yang ditawarkan dalam tempoh yang dipersetujui oleh kedua- dua pihak.

8. KUALITI

Sekiranya barang & perkhidmatan yang dihantar ke IKM tidak berkualiti atau tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, pihak IKM berhak menolak penerimaan barang & perkhidmatan tersebut dan pembekal perlu membekal semula barang & perkhidmatan mengikut spesifikasi yang ditetapkan tanpa sebarang kos / caj tambahan.

9. JADUAL PEMBAYARAN

IKM akan membuat pembayaran dalam Ringgit Malaysia (RM) kepada penyebut harga yang berjaya setelah kesemua dokumen tuntutan (invois) disahkan oleh unit bertanggungjawab dan dihantar ke Unit Kewangan dan Perolehan dalam tempoh 14 hari bekerja.

10. SPESIFIKASI SEBUTHARGA & TAWARAN HARGA

BIL	PERIHAL KERJA	KUANTITI	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
1.0	KERJA-KERJA PERSEDIAAN			
1.1	Menyediakan tenaga dan peralatan kerja yang mencukupi bagi menjalankan kerja-kerja dan kerja-kerja pembersihan semasa dan selepas selesai kerja termasuk menyediakan tong sampah dan membuang sampah-sampah kerja/pembinaan keluar daripada kawasan Institut Koperasi Malaysia (IKM).	Pukal	RM	RM
2.0	UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT (UTM)			
2.1	Kerja-kerja membuat bukaan pintu baharu dengan membuka dinding partition sediaada dengan cermat, termasuk kerja-kerja membekal dan memasang pintu plywood lengkap dengan kerangka pintu dan aksesori yang berkaitan.	1 unit	RM	RM
2.2	Kerja-kerja membuka pintu dan kerangka pintu sediaada serta memasang semula dinding partition baharu lengkap dengan kerangka dinding aluminium.	1 unit	RM	RM
3.0	UNIT TADBIRAN AM (UTA)			
3.1	Kerja-kerja membuka pintu sediaada dan memasang semula ke lokasi baharu lengkap dengan kerangka pintu baharu.	2 unit	RM	RM
3.2	Kerja-kerja membuka dinding partition sediaada dengan cermat dan dipasang semula ke lokasi pintu lama sediaada lengkap dengan kerangka dinding aluminium.	2 unit	RM	RM
4.0	UNIT KEWANGAN DAN PEROLEHAN (UKP)			
4.1	Kerja-kerja membuka kaunter kewangan sediaada dan dibuang keluar daripada kawasan IKM.	Pukal	RM	RM
4.2	Kerja-kerja membuka pintu kayu solid serta dinding partition sediaada dengan cermat.	Pukal	RM	RM
4.3	Kerja-kerja memasang semula dinding partition yang telah dibuka ke lokasi baharu yang ditentukan termasuk kerangka dinding aluminium.	Pukal	RM	RM
4.4	Kerja-kerja membekal dan memasang kaunter berukuran 8' (L) x 8' (H) x 2' 6" (W) <i>built in</i> meja, <i>drawer</i> dan cermin kaunter diperbuat daripada <i>chipboard</i> dan <i>finishing</i> melamin hingga siap sempurna seperti arahan pengeluar.	1 unit	RM	RM

4.5	Kerja-kerja mengecat dinding partition sediada dikedua-dua bahagian luar dan dalam daripada 1 cat lapisan asas dan 2 lapisan cat penyudah jenis Jotun.	Pukal	RM	RM
4.6	Kerja-kerja membuka dan memasang semula penghawa dingin sediada ke lokasi baharu sehingga siap sempurna.	1 unit	RM	RM
4.7	Kerja-kerja membekal dan memasang lantai konkrit di kawasan yang terlibat mengikut level lantai sediada termasuk kerja-kerja kemas semula karpet mengikut spesifikasi karpet sediada.	Pukal	RM	RM
5.0	PERPUSTAKAAN (UPP)			
5.1	Kerja-kerja membuka keseluruhan dinding kaca dan pintu sediada yang terlibat dan dibuang keluar daripada kawasan IKM.	Pukal	RM	RM
5.2	Kerja-kerja membekal dinding kaca (<i>separuh frosted</i>) hingga aras siling, kerangka aluminium (warna gelap) pada keseluruhan kawasan terlibat lengkap dengan aksesori yang berkaitan seperti arahan pengeluar hingga siap sempurna.	27mps	RM	RM
5.3	Kerja-kerja membekal dan memasang pintu kaca <i>tempered glass</i> (warna gelap) satu daun lengkap dengan aksesori pemasangan seperti arahan pengeluar hingga siap sempurna.	1 unit	RM	RM
5.4	Kerja-kerja memindah rak buku sediada dan menyusun kembali ke lokasi baharu. Buku yang dipindahkan hendaklah dimasukkan ke dalam kotak dan di <i>tagging</i> terlebih dahulu dan disusun kembali mengikut susunan seperti asal.	6 set	RM	RM
6.0	STOR PUSAT (UPK)			
6.1	Kerja-kerja membekal dan memasang kaunter di Stor Berpusat UPK.	1 unit	RM	RM
JUMLAH KESELURUHAN HARGA TAWARAN				
CAJ CUKAI JUALAN & PERKHIDMATAN (SST) (SEKIRANYA ADA)				
JUMLAH KESELURUHAN				

**Jumlah Keseluruhan Termasuk
Cukai Jualan & Perkhidmatan (SST) :** RM.....

**Nama Dan Cop
Kontraktor** :

.....

.....

.....

Lawatan Tapak :

Tarikh	:	30 JULAI 2021 (JUMAAT)
Masa	:	10.00 pagi
Tempat	:	Lobi Blok B, Institut Koperasi Malaysia

Tarikh Tutup Sebutharga : 5 Ogos 2021 (Khamis), sebelum atau pada
12.00 tengahari

Tempat : Kaunter Unit Kewangan & Perolehan (Blok A),
Institut Koperasi Malaysia,
103, Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.